KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
MALAYSIA

*Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2004*

JPA

Tel. : 03-8885 3001
Faks : 03-8889 2187
E-mel : ismail@jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(BPO)(S)256/21/3-2 Klt.24(6)

Tarikh : 20 Mei 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENGIKTIRAFAN SKIM PERKHIDMATAN TUKANG K1, TUKANG K2, PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (KETUKANGAN) DAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (KETUKANGAN) SEBAGAI PERKHIDMATAN KRITIKAL**

Sukacita saya menarik perhatian Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Seperti Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, kerajaan telah bersetuju untuk mengiktiraf skim perkhidmatan **Tukang K1, Tukang K2, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (ketukangan) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (ketukangan)** sebagai Perkhidmatan Kritikal berkuat kuasa **1 Januari 2008**. Pegawai yang berada dalam skim-skim perkhidmatan tersebut dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) mengikut kadar pembayaran seperti yang digariskan di bawah **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 - Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.**

...2/-

3. Sehubungan itu, Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dipohon untuk mengambil perhatian bagi pembayaran BIPK kepada penyandang-penyandang yang terlibat **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008**.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah

**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia